

22 JAN 1998

Mahathir-Pasukan

MAHATHIR: SOAL MELETAK JAWATAN TIDAK TIMBUL

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata soal sama ada beliau akan meletakkan jawatan tidak timbul kerana kerajaan bekerja dalam satu pasukan bagi menangani masalah ekonomi negara.

"Saya tidak dengar langsung pasal meletakkan jawatan," kata Perdana Menteri sebagai menjawab pertanyaan seorang wartawan asing mengenai sama ada beliau berhasrat meletakkan jawatan berikutan krisis ekonomi sekarang.

Katanya kerajaan tidak berfungsi atas dasar individu.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Perdana Menteri memberikan MTEN sebagai contoh bagaimana mereka saling bekerjasama dalam menangani masalah yang dihadapi negara.

"Kami sebagai satu pasukan di sini. Kami tidak berfungsi hanya berdasarkan individu tertentu," kata Dr Mahathir.

Sambil menoleh kepada wartawan Australia yang mengemukakan soalan itu, beliau berkata: "Itu secara tak langsung menyoal saya bila saya akan letak jawatan, bukan begitu?...Bijak cara awak kemukakan soalan."

Dr Mahathir, yang diapit Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin pada persidangan berita itu berkata terdapat keperluan bagi setiap orang untuk bekerjasama.

Ini perlu, katanya untuk menghadapi masalah yang dihadapi negara sekarang.

Ditanya sama ada MTEN membincangkan kenaikan harga barangan terutama barangan perlu, Perdana Menteri berkata kerajaan belum menentukan sama ada untuk membenarkan kenaikan harga barangan atau tidak.

Dr Mahathir berkata walaupun majlis berkenaan membincangkan perkara itu, ia tidak membuat sebarang keputusan.

"Tapi kita fikir adalah penting kita tidak menyebabkan peniaga berhenti berniaga kerana mereka rugi," katanya.

Kepada satu soalan oleh wartawan Australia itu tentang apakah yang akan dilakukan Malaysia untuk memperbaiki hubungan dengan Australia semasa lawatan Perdana Menteri John Howard ke Malaysia pada 22 hingga 24 Feb, Dr Mahathir berkata: "Lebih baik-baik, saya kira." -- BERNAMA

ES RON